

Cerita dongeng Melayu lama akan dibukukan

P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK

UNIMAS



1000240810



Dato Sri Adenan Haji Satem (dua dari kiri) semasa Majlis Pelancaran Rasmi Buku Cerita Rakyat di Dewan Suarah, Kuching semalam.

KUCHING, Jumaat: Dongeng yang popular di kalangan masyarakat Melayu Sarawak akan turut diadaptasi ke dalam bentuk penulisan buku seperti cerita rekaan etnik lain di Sarawak, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dato Sri Adenan Haji Satem.

Beliau yang juga Pengerusi Yayasan Kebudayaan Melayu Sarawak hari ini mendapat inspirasi untuk berbuat begitu, dan akan memastikan cerita-cerita rakyat yang terkenal semasa zaman kanak-kanaknya ditulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia.

Katanya, banyak kisah karut di kalangan orang Melayu di negeri ini merupakan imiginasi mereka yang pandai mereka-reka cerita pada zaman dahulu. Biasanya ia diceritakan oleh orang tua-tua kepada kanak-kanak bagi mengisi waktu lapang dan mengelak rasa bosan.

"Ia mencerminkan serba sedikit kekayaan budaya dan khazanah orang Melayu," katanya berucap pada Majlis Pelancaran Rasmi Buku Cerita Rakyat di Dewan Suarah, di sini.

Tiga buku cerita dongeng masyarakat Iban, Bidayuh dan Penan yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa masing-masing dalam bahasa Iban, Bidayuh dan Penan dilancar serentak hari ini.

Buku tersebut ialah *King Siliman and Other Bidayuh Folk Tales* ditulis dan diterjemah (ke bahasa Bidayuh) oleh *Sulis Ridu Ritikos Jitab* dan *Jonas Neeb; Suket: Penan Folks Stories*

ditulis dan diterjemah (ke bahasa Penan) oleh Jayl Langub dan *Apai Aloi Becomes a Shaman and Other Iban Comic Tales*, ditulis dan diterjemah (ke bahasa Iban) oleh Clifford Sather.

Ketiga-tiga penerbitan buku tersebut ialah hasil usaha dan kerjasama pihak Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS) dan Unversiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Adenan berkata, karya-karya itu akan menjadi warisan kekal dan boleh dibaca oleh generasi akan datang.

"Kita takut budaya ini akan luput jika kita tidak usahakannya. Ini adalah suatu khazanah kita.

"Oleh kerana ada pelbagai cerita di kalangan orang Melayu seperti ini. Kemungkinan semua belum dirakamkan ke dalam bentuk buku," katanya.

Beliau seterusnya berkata, Sarawak yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum memang kaya dengan pelbagai cerita rakyat masing-masing sambil menambah ia mencerminkan kekayaan budaya mereka.

Dengan ada buku berasaskan budaya dan latar belakang sendiri diharap generasi baru di negeri ini tidak hanya sibuk mengejar sains dan teknologi sehingga mengenyepikan warisan daripada nenek moyang mereka, katanya.

Turut hadir berucap pada majlis itu ialah Naib Canselor Unimas Prof Yusuf Hadi dan Ketua MAIS, Encik Nillie Tangai.

Borneo, Sabtu 15/6/02
Unisan